

27/07/2005

Rafidah-AP

RAFIDAH ENGGAN ULAS MENGENAI DAKWAAN DR MAHATHIR

Daripada Salbiah Said

PRETORIA, (Afrika Selatan) 27 Julai (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz terus berdiam diri terhadap dakwaan Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau telah mengelirukan Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini mengenai isu Permit Import (AP).

"Allah adalah saksi saya," beliau memberitahu wartawan Malaysia di lobi Sheraton Hotel di sini, sebelum menuju Johannesburg untuk Forum Perniagaan Malaysia Afrika Selatan, Rabu.

Apabila didesak seterusnya, katanya: "Tanya Pak Lah (Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)," ketika beliau turun dari keretanya.

Sejak semalam, Rafidah yang mengiringi Abdullah pada lawatan rasmi tiga hari ke Afrika Selatan, telah mengelakkan diri daripada media Malaysia, yang mengekori beliau untuk mendapatkan maklumat mengenai isu berkenaan.

Semalam, Rafidah enggan mengulas selepas persidangan akhbar bersama antara Abdullah dan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki.

Beliau cuma berkata kepada pemberita: "Saya di Afrika Selatan. Saya tidak akan berkata apa-apa mengenai isu AP."

Tetapi suasana hatinya berubah apabila beliau dan menteri-menteri Kabinet lain mengiringi Perdana Menteri melawat Taman Kebebasan Afrika Selatan.

Rafidah, dalam ucapan penggulungannya sebagai Ketua Wanita Umno pada Perhimpunan Agung ke-56 parti itu Sabtu lalu, telah mencuba menjelaskan dengan panjang lebar mengenai pengeluaran AP tetapi diganggu oleh perwakilan yang jelas tidak puas hati dengan penjelasan beliau itu.

Terdapat mereka yang mahu Rafidah meminta maaf kepada Dr Mahathir kerana mereka merasakan beliau bersikap kurang sopan kepada bekas Perdana Menteri itu semasa pertikaman lidah mereka melalui media mengenai konroversi AP itu.

Selasa lepas, Rafidah, 61, menangis teresak-esak pada persidangan akhbar mengenai dakwaan yang beliau bersikap kurang sopan kepada Dr Mahathir.

Katanya beliau menganggap Dr Mahathir, yang meletak jawatan pada 31 Okt 2003, setelah 21 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia, sebagai seorang bapa.

Semalam, Rafidah kelihatan begitu gembira, menikmati istirahatnya di taman itu tetapi terus merenggangkan diri daripada media.

Sementara itu, Abdullah sebelum itu enggan mengulas mengenai keputusan lembaga Proton tidak memperbaharui kontrak ketua pegawai eksekutifnya (CEO) Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

Tengku Mahaleel sedang bercuti berkuatkuasa 26 Julai sebelum persaraannya pada 30 Sept.

Proton telah melantik Datuk Kisai Rahmat, yang kini pengarah operasi, dan Datuk Kamarulzaman Darus, kini CEO Proton Tanjung Malim Sdn Bhd, sebagai ketua pegawai operasi bersama untuk mengendalikan Proton Holdings.

-- BERNAMA

SS MKO FR OS BK